

BULETIN IKBN SERI ISKANDAR

EDIS 1 | SEPTEMBER 2025

32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK

PAMERAN KERJAYA DI SMK LAMBOR KIRI





PAMERAN KERJAYA DI SMK LAMBOR KIRI, PERAK

Kampung Gajah, Perak 3 September 2025 | Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Lambor Kiri, Kampung Gajah, Perak telah mengadakan Program Minggu Kerjaya di sekolah berkenaan. Pihak pengurusan sekolah berkenaan telah menjemput Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar, Perak untuk mengadakan sesi taklimat dan pameran sempena program tersebut. Seramai 6 orang pegawai dan 4 orang pelajar dari IKBN Seri Iskandar, Perak telah terlibat dalam menjayakan Program Minggu Kerjaya ini. Program ini bermula dengan sesi taklimat yang telah disampaikan oleh Puan Nor Hazalina binti Noraini, Ketua Cawangan Pengurusan Pelajar, IKBN Seri Iskandar. Taklimat yang disampaikan ini adalah sebagai pendedahan kepada mereka tentang pembelajaran dan pengajaran dalam bidang kemahiran dan teknikal serta halatuju pendidikan dan kerjaya pada masa akan datang. Pihak institut juga telah mengadakan pameran untuk mempromosikan kursus-kursus yang ditawarkan bagi menarik minat para pelajar untuk menyambung pelajaran di IKBN Seri Iskandar pada masa hadapan.

Sambutan yang menggalakkan telah diberikan daripada para guru dan para pelajar sekolah berkenaan sepanjang program tersebut diadakan. Selain IKBN Seri Iskandar, Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak juga terlibat dalam menjayakan program tersebut. Program Minggu Kerjaya ini telah dikendalikan oleh Cikgu Mazlan bin Ahmad Zakaria, Guru Kaunseling SMK Lambor Kiri, Perak. Satu harapan agar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi laluan utama bagi pelajar dalam membina kerjaya pada masa hadapan. Semoga taklimat dan pameran yang telah diadakan ini dapat menarik minat para pelajar untuk menyambung pelajaran di IKBN Seri Iskandar, Perak.

TVET Pilihan Utama Kerjaya.
ILKBS Profesional Terunggul.

#ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS
#tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak
#malaysiaMADANI #RancakkanMADANI #MADANIBekerja



MESYUARAT HARI SUKAN NEGERA (HSN) PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

IPOH, 4 September 2025 - Mesyuarat Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 telah diadakan bagi membincangkan persiapan dan perancangan antara acara sukan terbesar negara ini. Mesyuarat ini dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk En. Mohd Halifi bin Ab Hamid, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, IKBN Seri Iskandar.

Mesyuarat yang diadakan bertempat di Pejabat SUK Negeri Perak ini dipengerusikan oleh Dato' Nor Sham binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), bersama Pn. Azura bt Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), dan En. Abd Aziz Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Sukan) JBSN. Turut hadir ialah ketua-ketua agensi peringkat negeri.


HSN 2025 dijadualkan berlangsung dari 10 hingga 12 Oktober 2025, dengan majlis perasmian akan diadakan pada 11 Oktober. Acara ini akan bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya. HSN 2025 akan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara, kecuali Sarawak. Majlis perasmian dijangka akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Di Ipoh, HSN 2025 menyasarkan penyertaan seramai 30,000 orang sepanjang tiga hari pelaksanaannya.

Pelbagai aktiviti sukan dirancang untuk menarik minat semua lapisan masyarakat, termasuk kayuhan madani, larian ria madani, 1500 langkah sempena World Walking Day, dan anugerah sukan untuk semua. Terdapat 40 cadangan pecahan aktiviti sukan yang bakal diadakan. IKBN Seri Iskandar turut memainkan peranan penting dalam menjayakan HSN 2025 melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti sukan yang bakal dianjurkan.

Agensi-agensi yang melaksanakan aktiviti sukan sempena HSN diseru untuk mendaftarkan aktiviti mereka di laman web rasmi <https://harisukannegara.my>. Maklumat lanjut tentang acara dan cara penyertaan boleh didapati di laman web tersebut.

TVET Pilihan Utama Kerjaya.
ILKBS Profesional Terunggul.

#ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS
#tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak
#malaysiaMADANI #RancarkanMADANI #MADANIBekerja



Salam Maulidur Rasul 1447H / 2025

Tema sambutan tahun ini ialah:
"Membangun Ummah Madani"

Marilah kita bersama menghayati ajaran dan akhlak Rasulullah SAW dalam membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

📅 12 Rabiulawal 1447H | 5 September 2025

Ikhlas daripada:

Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar,
Perak

TVET Pilihan Utama Kerjaya

ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS

#MalaysiaMADANI #RancarkanMADANI

#MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar

#ikbnsicemerlang #bhepikbnsip

#tvetmalaysia #tvetperak

#masadepankemahiran

#transformasipendidikan #talentperak

KARNIVAL MESRA ANAK MUDA (KAMU) 2025

Sorotan hari pertama @ Karnival Mesra Anak Muda (KAMU) 2025

Jangan lepaskan peluang untuk datang beramai-ramai ke Stadium Indera Mulia, Ipoh Perak pada 20 dan 21 September 2025.

TVET Pilihan Utama Kerjaya

ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS

#MalaysiaMADANI #RancarkanMADANI

#MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar

#ikbnsicemerlang #bhepikbnsip

#tvetmalaysia #tvetperak

#masadepankemahiran

#transformasipendidikan #talentperak



SOROTAN MESYUARAT PENYELARASAN PENGANJURAN KARNIVAL TVET 2025 DAERAH PERAK TENGAH

12 September 2025 – Mesyuarat penyelarasan penganjuran Karnival TVET 2025 Daerah Perak Tengah telah diadakan pada 12 September Jam 9.30 pagi bertempat di Dewan Dato Maharajalela, IKBN Seri Iskandar. Objektif pelaksanaan karnival ini adalah untuk menyediakan satu platform pusat sehenti pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiary study khususnya di Perak Tengah, memberi pendedahan serta gambaran yang jelas kepada peserta sebelum menjejak kaki ke pasaran pekerjaan di masa kini dan menggalakkan pelajar-pelajar menambah kemahiran dan pengetahuan dalam kursus-kursus TVET. Karnival ini dijadualkan berlangsung pada 25 September 2025 (Khamis). Mesyuarat kali ini membentangkan tentang pelarasan aturcara keseluruhan program, status persiapan skop kerja bagi setiap jawatankuasa yang terlibat dan hal-hal yang berkaitan pelaksanaan karnival tersebut. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Mohd Zaki bin Abdul Rahman dan di hadiri oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi sekitar Perak Tengah dan Ipoh, Perak. Pelbagai aktiviti dan program bakal diadakan pada penganjuran karnival ini.

Dengan adanya kerjasama padu daripada semua pihak, Karnival TVET Peringkat Daerah Perak Tengah diharapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Penganjuran ini bukan sahaja mampu mencungkil bakat dan kreativiti pelajar, malah turut memperkukuh peranan TVET sebagai pemacu pembangunan modal insan yang berkualiti serta relevan dengan keperluan industri semasa.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI #RancakkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs
#ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip
#tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak

MAJLIS KONVOKESYEN ILKBS KE - 20

BANGI, SELANGOR - YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan Konvokesyen ILKBS Ke-20 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Kajang, Selangor. Seramai 3,240 graduan ILKBS menerima pengiktirafan di peringkat Diploma Lanjutan, Diploma, Sijil Lanjutan dan Sijil. Seterusnya, 171 graduan akan diraikan pada 27 September 2025 di IKBN Kinarut, Sabah dan 97 graduan lagi pada 4 Oktober 2025 di Miri Marriott Resort & Spa, Sarawak.

Dalam majlis ini, YB Menteri turut menyampaikan tiga anugerah utama:

1. Anugerah Graduan Terbaik ILKBS 2025
2. Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan ILKBS 2025
3. Anugerah Khas Menteri Belia & Sukan 2025

Dalam ucapannya, YB Menteri berkongsi kadar kebolehpasaran graduan ILKBS tahun 2024 adalah 97%, membuktikan graduan TVET kini menjadi pilihan utama industri serta pemacu ekonomi negara. Lebih membanggakan, pelajar ILKBS turut menyinar di pentas antarabangsa dengan merangkul:

1. 1 Pingat Emas (Hairdressing)
2. 1 Pingat Perak (Welding)
3. 1 Medallion For Excellence (WorldSkills ASEAN Manila 2025)

Kejayaan ini menyumbang kepada pencapaian gemilang kontinjen Malaysia yang muncul Juara Keseluruhan dengan kutipan 13 emas, 4 perak, 3 gangsa dan 2 Medallion For Excellence. Seiring perkembangan TVET, IKBN Kuala Langat kini dinaik taraf menjadi Institut Kemahiran Sukan Negara (IKSN) dengan tawaran kursus seperti Terapi Sukan, Urutan Sukan, Perkhidmatan Kedi Golf, Pembinaan & Penyelenggaraan Fasiliti Sukan, Permotoran Sukan (2 & 4 roda) serta Fotografi Sukan. Dari IKBN Seri Iskandar, seramai 55 graduan hadir menerima pengiktirafan. Tahniah kepada Saudara Adib Amzar bin Abd Aziz (Sijil Lanjutan Teknologi Maklumat – Rangkaian Komputer) yang dinobatkan sebagai Graduan Terbaik IKBN Seri Iskandar. Hadir mewakili IKBN Seri Iskandar ialah: Pn. Norzalina binti Hashim (Ketua Jabatan Pengajian Umum), En. Mohd Halifi bin Ab Hamid (Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar) DAN YM Raja Muadzam Syah bin Raja Mohd Noor (Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan / Menanggung Tugas Pengarah). Tahniah dan syabas kepada semua graduan ILKBS, khususnya dari IKBN Seri Iskandar! Semoga terus berjaya dan menjadi kebanggaan negara.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #TeamKBS
#KitaSemuaTeamMAS #tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran
#transformasipendidikan #talentperak #malaysiaMADANI #RancarkanMADANI
#MADANIBekerja



KARNIVAL TVET PERAK TENGAH 2025 @ IKBNSI

SERI ISKANDAR, 25 SEPTEMBER 2025 - Penganjuran karnival ini bertujuan untuk memperkenalkan peluang dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) kepada masyarakat setempat, khususnya golongan belia. Karnival ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Khairudin bin Haji Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pengajian Tinggi Belia dan Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belanja dan di hadiri oleh Ketua-ketua Jabatan dan agensi sekitar Perak Tengah dan Ipoh, Perak.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan termasuk 'Pocket Talk' bidang TVET, Forum Haluan Kerjaya Lepas SPM, Forum 'Success Story' Alumni TVET, pertandingan inovasi TVET yang disertai oleh 16 buah sekolah menengah dalam Daerah Perak Tengah, pameran interaktif oleh pelbagai agensi dan demonstrasi TVET.

Selain itu, karnival ini turut membuka ruang kepada para pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang menyambung pengajian dalam bidang TVET di pelbagai institusi Kemahiran. Langkah ini diyakini dapat membantu pelajar merancang masa depan mereka dengan lebih baik, seiring dengan keperluan industri semasa. Melalui penganjuran ini, diharapkan lebih ramai belia akan mendapat pendedahan awal mengenai peluang kerjaya dan pendidikan dalam bidang TVET sekaligus menyokong agenda negara melahirkan tenaga kerja berdaya saing.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI
#RancarkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs
#ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip
#tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran
#transformasipendidikan #talentperak #KARNIVALTVET
2025



HARI CUCI MALAYSIA @ IKBN SERI ISKANDAR



SERI ISKANDAR, 27 SEPTEMBER 2025 - Menyahut saranan dan seruan selari dengan nilai teras MADANI yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat dalam negara yang berbilang kaum, telah ditetapkan hari Sabtu terakhir bulan September setiap tahun sebagai "Hari Cuci Malaysia" (HCM). IKBN Seri Iskandar tidak terkecuali dalam menyahut seruan dan saranan tersebut dengan mengadakan Hari Cuci Malaysia @ IKBNSI (Mor Ler Cuci) dengan penglibatan semua kakitangan dan pelajar IKBN Seri Iskandar.

Pecahan sebanyak tujuh (7) kumpulan telah dibuat dan penugasan aktiviti gotong-royong telah disusun bagi pembersihan kawasan-kawasan dalam institut termasuk fasiliti-fasiliti, kawasan luar persekitaran, kawasan sekitar perumahan komuniti setempat, mengecat bangunan serta mengumpul sisa buangan untuk dikitar semula. Program ini telah bermula seawal jam 8.00 pagi dan semua kakitangan dan pelajar yang terlibat diminta untuk mengimbas QR Code yang telah disediakan bagi menyasarkan pencapaian baharu dalam "The Malaysia Book of Records".

Aktiviti ini dilihat dapat memupuk semangat berpasukan dan dalam masa yang sama memastikan persekitaran berada dalam keadaan bersih dan kondusif demi kesejahteraan semua lapisan masyarakat. Hari Cuci Malaysia @ IKBNSI telah disempurnakan oleh YM Ts. Raja Muadzam Syah Bin Raja Mohd Noor, Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan yang kini menanggung kerja Pengarah IKBN Seri Iskandar.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI #RancarkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs
#ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetsmalaysia #tvetperak
#masadepankemahiran#TalentPerak#gotongroyong#HCM2025#haricucimalaysia2025

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (MPBN) NEGERI PERAK



IPOH, 27 September 2025 - Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Peringkat Negeri Perak bagi tahun 2025 telah berjaya dianjurkan, menjadi platform utama bagi golongan belia untuk menyuarakan aspirasi dan idea mereka secara terus kepada kepimpinan negeri. Majlis ini bermatlamat untuk membincangkan isu-isu serta dasar berkaitan pembangunan belia bagi memastikan pandangan mereka didengari di peringkat tertinggi kerajaan. Majlis yang berlangsung dengan jayanya telah dirasmikan oleh Yang Berhormat (YB) Encik Khairudin bin Hj Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak. Beliau yang juga bertindak sebagai Pengerusi MPBN Negeri Perak menekankan kepentingan penglibatan aktif belia dalam mencorak masa depan negeri.

Sesi perundingan menyaksikan pelbagai usul penting dibentangkan oleh wakil-wakil belia yang terdiri daripada pemimpin dan ahli tertinggi pertubuhan belia dari seluruh daerah dan peringkat negeri Perak. Antara usul yang hangat dibincangkan termasuklah pemerkasaan program Agro Belia, pewujudan peluang perniagaan yang dikhususkan kepada golongan belia, serta keperluan dana tambahan untuk menyokong aktiviti persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi. Turut mendapat perhatian serius adalah usul berkaitan keperluan untuk menubuhkan pusat informasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di beberapa lokasi terpilih di dalam negeri Perak. Inisiatif ini dilihat sebagai satu langkah strategik untuk mempromosikan dan memudahkan akses maklumat mengenai TVET kepada golongan muda. Semua usul yang dibentangkan telah mendapat perhatian sewajarnya daripada para ahli majlis perundingan. Dalam ucapan penutupnya, YB Pengerusi memberi komitmen penuh untuk membawa isu-isu terpilih untuk dibincangkan dengan lebih lanjut bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Encik Mohd Halifi Bin Ab Hamid, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar yang mewakili Pengarah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar, menandakan sokongan padu institusi kemahiran terhadap agenda pembangunan belia di Perak.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhpeikbnsip #TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #tvetmalaysia #tvetperak
#masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak #malaysiaMADANI #RancarkanMADANI
#MADANIBekerja

SEKIAN TERIMA KASIH